

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

09 September 2016

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pelancaran laporan “Investor Stewardship and Future Key Priorities 2016” oleh Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC) minggu lepas memberikan perkara-perkara penting yang akan dilaksanakan oleh IIC dalam tempoh 5 tahun akan datang.

Saya yakin tahap penglibatan pelabur institusi dalam melaksanakan pemantauan seperti cara mereka menangani isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) syarikat pelaburan mereka dan garis panduan pengundian membolehkan mereka menangani risiko dengan lebih baik selain memberikan pulangan yang mampan untuk syarikat berkenaan seterusnya ahli-ahli mereka.

Pada masa keuntungan korporat semakin berkurangan akibat faktor ekonomi global yang tidak menentu, sekarang adalah masa yang terbaik untuk meningkatkan tahap penyeliaan pelabur institusi dalam syarikat tersenarai di Malaysia.

Walaupun laporan tersebut mengesahkan bahawa syarikat tersenarai awam, terutamanya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) telah menunjukkan peningkatan prestasi dan tadbir urus secara keseluruhan, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan contohnya meningkatkan kualiti kepimpinan, akauntabiliti dan ketelusan, termasuklah menambah lebih ramai pengarah profesional dalam lembaga pengarah.

Mengambil kira sumber kewangan yang besar, piawaian global dalam pematuhan dan tadbir urus, pengurusan modal insan dan proses yang komprehensif, pelabur institusi merupakan pemacu utama bagi penciptaan nilai yang akan dapat meningkatkan standard pasaran modal di negara.

Pada akhir tahun 2015, KWSP, PNB, KWAP, Lembaga Tabung Haji, Khazanah Nasional Bhd, PERKESO dan Aberdeen Asset Management yang merupakan ahli IIC telah mengurus dana berjumlah RM1.32 trilion, di mana kira-kira satu pertiga telah dilaburkan dalam ekuiti awam tempatan.

Menerusi keahlian dalam IIC, badan-badan ini melaksanakan penyeliaan mengikut garipanduan Kod sebagai dasar termasuk penglibatan aktif dalam syarikat pelaburan serta memberi perhatian kepada aspek prestasi, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam pelaburan mereka.

Kami percaya tindakan ini merupakan petanda baik bagi pasaran modal dalam usaha ke arah meningkatkan disiplin pasaran.

Sejajar dengan pembangunan pasaran modal yang semakin matang, IIC perlu memainkan peranan penting dalam mewakili kepentingan bukan sahaja pelabur institusi, malah komuniti pelabur secara amnya di Malaysia.

Semua pihak, termasuk negara hanya akan dapat menikmati manfaat sekiranya satu ekosistem yang baik yang dapat memberikan kebaikan bersama diwujudkan.

Rita

---

## MAKLUMAT TERKINI PASARAN DAN KAWAL SELIA

### ***BURSA MALAYSIA MEMINTA MAKLUM BALAS AWAM TERHADAP KERTAS PERUNDINGAN MENGENAI PENUBUHAN PASARAN BARU UNTUK PKS***

Pada 2 September 2016, Bursa Malaysia telah mengeluarkan kertas perundingan mengenai cadangan menubuhkan pasaran (baru) di Bursa Malaysia yang bertujuan menyediakan akses pasaran modal kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana (PKS).

Bursa Malaysia meminta pandangan dan input daripada syarikat, penasihat, pelabur dan orang awam yang berpotensi terutama dalam bidang seperti rangka kerja penyenaian, proses penyenaian, pendedahan selepas penyenaian, pelabur dan lain-lain.

Kertas rundingan itu boleh didapati di pautan:

<http://www.bursamalaysia.com/market/regulation/rules/public-consultation>

Orang ramai dan pihak yang berminat adalah dipelawa untuk mengemukakan komen dan maklum balas mereka sebelum tarikh tutup iaitu 2 Oktober 2016.

*[Sumber: Siaran media di laman web Bursa Malaysia pada 2 September 2016]*

---

## FORUM MSWG

### ***PENSWASTAAN PJ DEVELOPMENT***

Kami dengan hormatnya memaklumkan, MSWG akan mengadakan forum pelabur mengenai penswastan PJ Development Berhad ("PJD"). Kami ingin menjemput anda untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam forum ini untuk mendapatkan pandangan daripada pemegang saham minoriti mengenai penswastan PJD.

Maklumat mengenai forum:-

Tarikh : 14 September 2016 (Rabu)

Masa : 11.00 pagi

Tempat : Pusat Latihan MSWG

Minority Shareholder Watchdog Group

Tingkat 11, Bangunan KWSP

No. 3, Changkat Raja Chulan

Off Jalan Raja Chulan

50200 Kuala Lumpur

Untuk mendaftar, sila hubungi:-

- Encik Vinodth Ram ([vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my))
- Cik Sharon Goh ([sharongoh@mswg.org.my](mailto:sharongoh@mswg.org.my))
- Cik Mageswary Velupillay ([mageswary@mswg.org.my](mailto:mageswary@mswg.org.my))

---

## PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

### *PJ DEVELOPMENT HOLDINGS BERHAD ("PJD")*

Pada 30 Ogos 2016, Lembaga Pengarah PJD ("Lembaga") menerima notis tawaran pengambilalihan sukarela tanpa syarat ("Notis") daripada RHB Investment Bank Berhad ("RHBIB") bagi pihak OSK Holdings Berhad ("Pembuat Tawaran") untuk memperoleh semua baki sekuriti PJD, dengan pertimbangan tunai sebanyak RM1.50 sesaham PJD ("Harga Tawaran Saham") dan RM0.50 untuk setiap waran PJD ("Tawaran").

*[Sumber: Pengumuman PJD di laman web Bursa Malaysia pada 30 Ogos 2016 dan 6 September 2016]*

### KOMEN MSWG:

MSWG sebelum ini telah menasihatkan penerima tawaran PJD untuk tidak menerima tawaran pertama iaitu RM1.56 sesaham PJD dan RM0.60 setiap waran PJD, kerana kami mendapati Pembuat Tawaran dapat meningkatkan pegangan saham mereka daripada 31.6% kepada 89.4% yang mengakibatkan PJD tidak mematuhi syarat spread pegangan saham awam.

Kami ingin menyatakan sekali lagi tawaran baru iaitu RM1.50 sesaham PJD dan RM0.50 setiap waran PJD adalah pada diskaun yang besar berbanding nilai aset pendasar PJD dan masih tidak wajar. Walau bagaimanapun, kami juga ingin menekankan bahawa Pembuat Tawaran telah mengumpulkan pegangan saham mereka kepada lebih 90% daripada penerimaan dan saham PJD akan digantung dagangannya serta dinyahsenarai secara mandatori daripada penyenaarai di Bursa Malaysia.

Oleh yang demikian, pemegang saham perlu menilai sama ada untuk menerima atau menolak tawaran itu berdasarkan profil risiko mereka, tempoh pelaburan, harga masuk dan kesanggupan mereka untuk memegang saham dalam entiti tidak tersenarai sekiranya syarikat itu diswastakan.

MSWG akan menganjurkan satu forum sebagai platform kepada semua pemegang saham PJD untuk mengutarakan sebarang isu dan kebimbangan mereka.

---

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi PJ Development Holdings Berhad.*

---

### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mSWG.ceo@mSWG.org.my](mailto:mSWG.ceo@mSWG.org.my).

---

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*